

## **IMPAK PELANCONGAN DESA KE ATAS PEMBANGUNAN KOMUNITI SETEMPAT**

### ***THE IMPACT OF RURAL TOURISM ON THE LOCAL COMMUNITY DEVELOPMENT***

**Rohayu Ab. Majid<sup>1</sup>**

Pusat Pengajian Pengurusan Hartanah,  
Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur,  
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.  
(Email: rohayumajid@uitm.edu.my)

**Rosli Said<sup>2</sup>**

Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Alam Bina,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

**Noraliza Basrah<sup>3</sup>**

Pusat Pengajian Pengurusan Hartanah,  
Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur,  
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

**Norbaya Ab Rahim<sup>4</sup>**

Pusat Pengajian Pengurusan Hartanah,  
Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur,  
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

***Received date:*** 26-07-2019

***Revised date:*** 20-08-2019

***Accepted date:*** 26-08-2019

***Published date:*** 11-09-2019

***To cite this document:*** Ab. Majid, R., Said, R., Basrah, N., & Ab Rahim, N. Impak Pelancongan Desa Ke atas Pembangunan Komuniti Setempat. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 4(16), 39-55.

**DOI:** 10.35631/JTHEM.416004

---

**Abstrak:** Kegiatan pelancongan desa (PD) semakin hari semakin giat diusahakan. Penganjuran pelbagai program dan aktiviti yang menarik dalam kegiatan pelancongan desa ini telah mencetus satu fenomena yang begitu hebat kepada masyarakat luar. Namun keberlangsungan kegiatan ini secara tidak langsung memberikan impak yang pelbagai ke atas masyarakat setempat sama ada negatif ataupun positif. Kertas penyelidikan ini adalah bertujuan melihat sejauh mana kesan ini wujud terhadap sebuah kawasan pelancongan desa di daerah Kuala Selangor, Malaysia. Menerusi rangka kerja teori, empat komponen impak utama telah diwujudkan dan menghasilkan 26 elemen impak kecil. Sebanyak 200 responden telah ditemubual bagi melihat sejauh mana kegiatan perlancongan desa memberi impak kepada komuniti setempat. Hasil kajian menunjukkan 21 elemen adalah signifikan dengan catatan korelasi pada profil demografik komuniti. Secara keseluruhannya, impak kebudayaan lebih ketara berbanding impak ke atas ekonomi, sosial dan persekitaran.

**Kata Kunci :** Pelancongan Desa, Pembangunan Komuniti, Kebudayaan, Ekonomi, Sosial, Persekitaran

**Abstract:** *Rural tourism activities are actively and increasingly pursued. Organizing various programs and activities of interest in rural tourism activities has sparked a great phenomenon to the outside community. However, this activity has considerable impact on various communities, whether negative or positive. The purpose of this paper was to identify the extent to which this impact exists in a rural tourism area in the district of Kuala Selangor, Malaysia. The theoretical framework has generated four main components of impact and 26 sub-components. A total of 200 respondents were interviewed. The results found that 21 elements are statistically significant. It also highlights the correlation between these elements and demographic profile. Overall, the cultural impact is more significant than the other impact such as economic, social and environmental.*

**Keywords:** *Rural Tourism, Community Development, Cultural, Economic, Social, Environment*

---

## **Pengenalan**

Kegiatan pelancongan di luar bandar kini semakin rancak dilaksanakan. Ianya boleh dirujuk dari pelbagai terma seperti *farm tourism*, *agrotourism*, *soft tourism* dan *ecotourism* (Beeton, 2006). Lazimnya pelancongan luar bandar tertumpu di kawasan pinggir bandar (Bramwell, 1994) yang dikelilingi oleh kawasan pertanian. Ia juga membabitkan penggunaan tanah oleh manusia bagi pembangunan masyarakat desa (Fariborz & Gill, 2009). Justeru, Canoves et al. (2004) telah melihat pembangunan pelancongan di desa sebagai penyumbang kepada faedah berganda kepada penduduk setempat (Roddin et al, 2019) sama ada dari aspek sosial mahupun ekonomi (Jaafar et al, 2015). Malah ia bertindak sebagai sebahagian dari pelan perancangan pembangunan desa yang amat menekankan pembangunan mampan.

Menerusi galakan dan sokongan pihak kerajaan, kegiatan pelancongan desa semakin berkembang maju dari masa kesemasa. Malah kewujudan badan pelancongan di setiap negeri sebenarnya memberikan peluang untuk sesebuah desa terus dimajukan (Daniela, 2002). Komuniti pula memainkan peranan penting dalam proses pelaksanaan aktiviti pelancongan ini (Jaafar et al, 2015) yang mana diterajui bersama oleh ketua desa dalam setiap tindakan dan aktiviti pelancongan (Aref & Ma'rof, 2009). Walau bagaimanapun, kegiatan pelancongan desa yang giat dilaksanakan ini secara tidak langsung telah meninggalkan pelbagai kesan positif mahupun negatif terhadap komuniti masyarakat desa (Seetanah, 201; Kamil & Abdoellah, 2018). Sehubungan itu, kertas penyelidikan ini akan meninjau kesan-kesan yang di alami oleh aktiviti pelancongan desa terhadap ekonomi, sosial, persekitaran dan budaya.

## **Sorotan Karya**

Kewujudan pelancongan desa lazimnya dilihat memberi kesan ke atas pembangunan sesebuah desa (Ridzuan et. al. 2018; Jaafar et al, 2015; Ap & Crompton, 1998; Lo et. al., 2012). Kesan yang wujud ini mampu mengubah sikap komuniti (Ko & Stewart, 2002; Lankford & Howard, 1994). Namun setiap impak yang terhasil, tidaklah membuahkan nilai positif semata-mata. Hal demikian kerana setiap aktiviti pelancongan desa ini kadang-kala menyumbang kepada gejala negatif yang sedikit sebanyak mencacatkan keharmonian kehidupan komuniti setempat (Lo et. al, 2012). Majoriti pelancongan desa dilihat berhadapan dengan cabaran mengenai

pasti keutamaan penduduk setempat (Aref & Gill, 2009). Lazimnya kesan pelancongan boleh dilihat ke atas pembangunan tiga aras iaitu komuniti, organisasi dan secara individu (Daniela, 2002). Jashveer et. al. (2011) pula pernah mengenengahkan beberapa teori yang mengesahkan impak pelancongan desa ke atas komuniti tempatan. Manakala aspek yang menjadi agenda utama kesan pelancongan adalah sosioekonomi (Harill, 2004). Namun adalah sukar untuk mengesan perubahan sosio ekonomi ini. Hal demikian kerana aspek ini berhubung kait dengan pelbagai kriteria demografik seperti umur, jantina, pendapatan, tempoh menetap disuatu kawasan, aras pendidikan serta bangsa (Mason & Cheyne, 2000). Malah menurut Wang & Pfister (2008) dan Jaafar et al, (2015), kesan perlancongan desa ini boleh diukur menerusi persepsi masyarakat yang berhubung kait dengan aspek demografik. Sehubungan itu kajian ini dilakukan bagi melihat sejauh mana kegiatan perlancongan desa memberi impak kepada komuniti keseluruhan.

### ***Kesan Ekonomi***

Kesan pelancongan desa boleh dilihat menerusi perubahan yang ketara terhadap keadaan ekonomi masyarakat setempat (Teng et. al., 2018; Amalu et al, 2012; Kim, 2002; Kreag, 2001; Mirbabayev, *et. al.*, 2011; Samina, 2007). Aktiviti pelancongan desa ini telah memberi ruang kepada kawasan terbabit dengan penyediaan pelbagai perkhidmatan awam (Kreag, 2001) yang secara langsung memberikan kemudahan kepada penduduk setempat. Aktiviti yang berterusan turut mengundang pelbagai kewujudan pengangkutan awam yang asalnya disediakan bagi kegunaan para pelancong. Malah kehidupan masyarakat setempat juga turut berubah dengan adanya pelbagai aktiviti perniagaan mahupun pelaburan.

Menurut Proenca & Soukiazis (2006), sumbangan ekonomi bergantung kepada keupayaan pelaburan serta pembangunan infrastruktur yang baik. Justeru masyarakat mula memikirkan cara terbaik untuk memasarkan barangan produk tempatan yang lazimnya mendapat permintaan tinggi dikalangan para pelancong. Barangan kraftangan yang unik dan menarik juga sebenarnya memberikan satu peluang pelaburan yang tinggi (Aref, 2009; Liu & Var, 1986; Jipun, 2019) di kalangan masyarakat tempatan untuk memperkembangkan perniagaan (Stynes, 1997; Liu & Var, 1986) masing-masing. Malah kegiatan perniagaan yang berlangsung secara besar-besaran ini pastinya memberi peluang kerjaya (Kreag, 2001; United Nation, 2005; Tosun, 2002; Sanggin, 2009) yang lebih baik. Aktiviti ini secara tidak langsung telah dapat menjanakan pendapatan yang agak lumayan (Kreag, 2001) di kalangan penduduk setempat sekaligus meningkatkan taraf kehidupan masyarakat desa (Weaver & Lawton, 2001; Sanggin, 2009). Namun begitu, Proenca (2006) menjelaskan wujudnya hubungan negatif antara pelancongan desa dengan keadaan ekonomi yang mana ramai pekerja khususnya dikalangan buruh binaan yang akan kehilangan pekerjaan setelah kerja pembinaan bangunan pelancongan siap sepenuhnya. Situasi ini akhirnya dilihat Kim (2002) sebagai punca kepada masalah pengangguran di kalangan penduduk. Selain itu harga barangan harian turut melonjak naik (Sheldon & Var, 1986; Lundburg, 1990), khususnya pasaran makanan (Ertuna & Kurbas, 2012) hasil dari kegiatan pelancongan ini. Berikutan itu nilai tanah juga dikatakan meningkat yang mana mempunyai hubungan yang tinggi dengan kegiatan pelancongan (Pizam, 1978; Belisle & Hoy, 1980)

### ***Kesan Sosial***

Pelancongan desa turut mendedahkan penduduk setempat dengan perubahan sosial (Jaafar et al, 2015; Kim, 2002; Shagazatova et al, 2011 in Wend 2013). Kawasan pelancongan yang melibatkan tempat riadah yang menarik telah dihujani dengan pelbagai elemen kemajuan. Kawasan rekreasi terus diusahakan dengan peningkatan pelbagai kemudahan infrastruktur

(Jaafar et al, 2015) yang baik dan selamat (Allen et al., 1993; Jasshveer et. al., 2011; Lankford, 1994). Antara fasiliti ini termasuklah kemudahan berhibur, kemudahan kesihatan, kemudahan membeli belah serta kemudahan tempat letak kenderaan yang lebih baik, tersusun dan mencukupi. Malah pelancongan desa juga turut mendorong kepada penambahbaikan kemudahan awam (Keogh, 1990), seperti bekalan air, pembentungan, lampu jalan, tandas awam dan lanskap yang lebih menarik (Kreag, 2001). Walau bagaimanapun kehadiran para pelancong asing (Kosmaczewska, 2014) serta penghijrahan penduduk yang tinggi ke kawasan terbabit turut mengubah struktur sosial komuniti (Jaafar et al, 2015; Pizam & Milman, 1984). Malah aspek ini dilihat sebagai penyebab tercetusnya masalah jenayah (King et al, 1993; Allen et al., 1993). Kawasan desa yang dulunya aman kini memerlukan pemantauan rapi oleh pihak berkuasa dalam usaha menanggapi masalah jenayah yang berlaku.

### ***Kesan Budaya***

Aspek budaya turut mengalami kesan perubahan dari kegiatan pelancongan (Jaafar et al, 2015; Pizam, 1978). Aspek ini berlaku secara tidak langsung yang mana telah menyelami hati dan mengubah gelagat (Var & Kim, 1990; OECD, 2009) para penduduk setempat. Rata-rata masyarakat desa dikatakan merasa bangga dengan pembangunan pelancongan di desa-masing-masing. Pengiktirafan sebagai lokasi pelancongan sedikit-sebanyak menyumbang kepada status kepopularan penduduknya. Ditambah lagi dengan rasa hormat para pelancong (Sethna & Richmond, 1978) ke atas gaya penghidupan masyarakat desa, ia membuatkan masyarakat desa terbuka hati untuk menerima arus kemodenan pelancongan masa kini. Sehubungan itu pelbagai aktiviti kebudayaan yang menarik mula diperkenalkan kepada para pelancong (Jaafar et al, 2015). Malah persembahan yang dibuat telah berjaya menggabungkan pelbagai etnik masyarakat setempat. Di samping itu pengusahaan barangan kraftangan yang berunsur kebudayaan turut diketengahkan sebagai daya penarik pelancong di desa (Jipun, 2019). Walau bagaimanapun, budaya masyarakat desa tidak terlepas dari pengaruh budaya barat (Mathieson & Wall, 1982; Weaver & Lawton, 2001, Andereck et al., 2007) yang khasnya disulami oleh para pelancong yang kurang menghormati amalan tradisi tempatan.

### ***Kesan Persekitaran***

Pelancongan Desa turut menyumbang kepada perubahan persekitaran (Creaco & Querini, 2003). Kim (2002) menjelaskan kesan yang wujud kadangkala memberikan nilai positif dan negatif kepada penduduk setempat. Kesan persekitaran ini dapat dilihat kepada tahap penggunaan tanah bagi pembangunan pelancongan serta jumlah pelawat yang datang berkunjung dalam tempoh tertentu (Gartner, 1996). Malah pelancongan desa yang meluas telah menggalakkan lebih banyak kegiatan penerokaan ke atas alam sekitar (Var & Kim, 1990). Situasi ini banyak mengundang kepada perubahan ekologi (Sheldon & Var, 1984), yang secara tidak langsung mengubah rangkaian kehidupan alam sekitar (Kim, 2002). Kehadiran jumlah pelancong yang banyak (Rothman, 1978) turut menyumbang kepada kadar kepadatan (Kreag, 2001) dan kesesakan yang tinggi (Tyrrell & Spaulding, 1984) walaupun ia berlangsung dalam tempoh dan jangkamasa tertentu. Persekitaran turut tercemar dari aspek udara, air dan darat.

Menurut Davies & Cahill (2000), penyelenggaraan fasiliti dari hotel yang diusahakan merupakan salah satu penyumbang kepada elemen pencemaran, khususnya bagi industri perhotelan berskala besar (Kreag, 2001). Menurut Lankford & Howards (1994) majoriti pelancongan menyumbang kepada masalah pembuangan sampah. Malah Liu & Var (1986) menjelaskan sebahagian besar dari perbelanjaan kerajaan pula adalah digunakan untuk menguruskan masalah pembuangan sampah berbanding menggalakkan kegiatan pelancongan.

Penggunaan khidmat pengangkutan yang tinggi pula menyumbang kepada masalah pencemaran udara. Malah kadar penerbangan yang tinggi turut menyumbang kepada kadar pengeluaran bahan buangan yang banyak (Kim, 2002). Pencemaran air turut berlaku terutamanya di kawasan pelancongan rekreasi dan tasik (Andereck, 1995). Masalah menjadi semakin serius apabila sukan air yang menggunakan perkhidmatan bot dan peluncur air dijalankan tanpa mengira tahap pencemaran yang berlaku.


Walaupun bagaimanapun Gartner (1987), menjelaskan tahap pencemaran yang berlaku tidaklah berapa serius. Sebaliknya kewujudan kegiatan pelancongan ini sebenarnya telah menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar yang lebih baik (Perdue et al., 1987). Ini dapat dilihat ke atas usaha pihak kerajaan yang melancarkan pelbagai kempen pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, yang mana ianya merupakan sebahagian usaha memartabatkan alam sekitar serta menggalakkan aktiviti pelancongan.

### **Metodologi Penyelidikan**

Penyelidikan ini melibatkan data kajian dari Daerah Kuala Selangor yang merupakan salah satu kawasan pelancongan desa di Malaysia. Ia meliputi kawasan seluas 1,194.55 kilometer persegi dengan jajahan 9 mukim iaitu Kuala Selangor, Jeram, Ijok, Tanjung Karang, Api-api, Ujong Permatang, Ulu Tinggi, Bestari Jaya and Pasangan. Sebagai sebuah pusat perlancongan, Kuala Selangor telah dibangunkan dengan pelbagai fasiliti dan bagi melengkapi pelbagai keperluan ke atas kawasan perlancongannya. Antaranya adalah Bukit Malawati, Kelip-Kelip Kg. Kuantan dan Taman Alam Kuala Selangor.

Seramai 200 responden yang merupakan penduduk tempatan telah mengisi borang soal selidik yang melibatkan 2 seksyen utama iaitu profil responden dan kesan pelancongan desa (impak). Terdapat 4 komponen utama impak iaitu, ekonomi, sosial, persekitaran dan budaya (Rujuk Gambarajah 1). Komponen ini masing-masing menjana sejumlah variabel yang menggambarkan impak yang berbeza ke atas kehidupan masyarakat desa. Kesan ekonomi dilihat pada tujuh perspektif, Manakala aspek sosial merujuk kepada 7 aspek sosial, disusuli dengan 5 aspek kebudayaan dan 6 ciri kesan persekitaran (Jadual 1).

**Rajah 1: Empat Komponen utama Impak Pelancongan Desa**



**Jadual 1: Jenis Impak dari Aktiviti Perlancongan Desa**

Ekonomi	Sosial	Kebudayaan	Persekitaran
▪ Ekonomi- Pelaburan	▪ Sosial - Rekreasi	▪ Budaya - Bangsa	▪ Persekitaran - Kehidupan
▪ Ekonomi- Pekerjaan	▪ Sosial - fasiliti	▪ Budaya - Aktiviti	▪ Persekitaran - pemeliharaan
▪ Ekonomi - Perniagaan	▪ Sosial- kesihatan	▪ Budaya – Identiti etnik	▪ Persekitaran– Ekologi
▪ Ekonomi– Pendapatan	▪ Sosial –Pusat membeli belah	▪ Budaya – Kraf tangan	▪ Persekitaran– Kesesakan
▪ Ekonomi- Taraf kehidupan	▪ Sosial – Tempat letak kenderaan	▪ Budaya – Perubahan amalan	▪ Persekitaran - Pembaziran
▪ Ekonomi -Hartanah	▪ Sosial - Jenayah		▪ Persekitaran - Pencemaran
▪ Ekonomi- Perkhidmatan			
▪ Ekonomi- Pengangkutan			

Komponen ekonomi melibatkan kesan dari aspek pelaburan, pekerjaan, perniagaan, penjanaan pendapatan, peningkatan taraf hidup, peningkatan nilai hartanah, kemajuan perkhidmatan serta penyediaan kemudahan pengangkutan. Komponen sosial pula menekankan aspek rekreasi, fasiliti, kemudahan kesihatan, hiburan, pusat membeli belah, penyediaan tempat letak kenderaan serta kewujudan masalah jenayah. Seterusnya komponen budaya melihat kepada aspek rasa bangga di kalangan penduduk setempat, pendedahan aktiviti pelancongan, perubahan nilai etnik, pendedahan seni kraftangan serta perubahan budaya tempatan. Selain itu komponen persekitaran pula menyelami aspek kehidupan persekitaran, pemeliharaan persekitaran, ekologi persekitaran, kesesakan persekitaran, pembaziran produk dan pencemaran persekitaran. Manakala profail responden melibatkan aspek jantina, bangsa, umur, pekerjaan, aras pendidikan, status perkahwinan serta tempat tinggal sekarang iaitu melibatkan 9 mukim dalam Daerah Kuala Selangor (Rujuk Jadual 1).

Justeru sejumlah 25 variabel telah dianalisis bagi melihat sejauh mana impak pelancongan desa ini berlaku di kawasan penyelidikan. Data yang diperolehi dianalisis bagi melihat status signifikan pada setiap variabel menerusi *Chi-square test* pada catatan *Asymp, Sig (2-sided)* dengan nilai  $p < 0.05$ . Seterusnya analisis korelasi dilaksanakan bagi melihat sejauh mana wujudnya kesan dari aktiviti pelancongan desa ke atas kehidupan masyarakat setempat. Setelah itu nilai korelasi ini dijadikan ukuran peratusan yang menandakan sejauh mana wujudnya impak yang dikaji berlaku dilokasi penyelidikan. Cerapan pada frekuensi korelasi kemudiannya diformulakan bagi melihat peratusan keseluruhan ke atas 4 komponen utama pelancongan desa. Formula boleh dirujuk kepada gambarajah 2.

**Rajah 2: Formula Peratusan Impak**

Peratusan Aras Impak	$= \frac{\sum fC}{\sum f(IE * Dp)} \times 100$
$f$	- Frekuensi
$fC$	- Frekuensi korelasi
IE	- Elemen kesan pelancongan
Dp	- Profil demografik

## Hasil Penyelidikan

Jadual 2 memaparkan bahawa majoriti responden adalah komuniti melayu yang berumur antara 20-50 tahun. Kebanyakan mereka adalah bekerja. Hanya 20% sahaja yang tidak bekerja. Manakala 58% sudah berkahwin dan selebihnya belum berkahwin. 36% responden tinggal di kawasan padat bandar iaitu kawasan perlancongan, manakala sebahagian yang lain tinggal di kawasan mukim yang lain namun masih berdekatan dengan kawasan yang melibatkan aktiviti perlancongan.

Jadual 3 memaparkan nilai signifikan 26 elemen kesan perlancongan desa pada kawasan kajian. Didapati 21 elemen adalah signifikan dengan kesemua profil demografik. Hanya 5 darinya tidak mencatatkan sebarang nilai signifikan yang mana merujuk kepada Ekonomi-Pelaburan, Ekonomi-Pekerjaan, Ekonomi-Perkhidmatan, Ekonomi-Pengangkutan, on under economic impact, Sosial-keselamatan dana lam sekitara- kesesakan. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan aktiviti perlancongan desa memberi impak kepada kehidupan komuniti setempat dari pelbagai sudut.

**Jadual 2: Kriteria Profail Responden**

Profail Responden	Jantina (%)		Jumlah (%)	
	Perempua	Lelaki		
<b>n</b>				
<b>Bangsa</b>	Melayu	40	24	64
	India	10	8	18
	China	12	6	18
	Lain-lain	0	0	0
<b>Umur</b>	< 20 Tahun	8	2	10
	21 - 30 tahun	22	12	34
	31 - 40 Tahun	16	10	26
	41 - 50 Tahun	10	8	18
	> 51 Tahun	6	6	12
<b>Pekerjaan</b>	Swasta	16	10	26
	Kerajaan	8	16	24
	Bekerja sendiri	8	6	14
	Tidak bekerja	18	2	20
	Lain-lain	12	4	16
<b>Aras Pendidikan</b>	PMR	8	10	18
	SPM	34	54	88
	STPM	4	8	12
	Matrikulasi	0	2	2
	Diploma	8	14	22
	Ijazah Pertama	4	6	10
	Ijazah Lanjutan	4	6	10
<b>Status Perkahwinan</b>	Bujang	24	18	42
	Berkahwin	38	20	58
	Janda/Duda	0	0	0
<b>Mukim</b>	Kuala Selangor	24	12	36
	Jeram	4	8	12
	Ijok	2	4	6
	Tanjung Karang	20	12	32
	Api-api	0	2	2

Ujong Permatang	4	0	4
Pasangan	6	0	6
Bestari Jaya	2	0	2

Penyediaan kemudahan pengangkutan didapati tidak signifikan. Ini menunjukkan bahawa aktiviti pelancongan desa yang dijalankan tidak memberi kesan dari aspek pengangkutan. Hal demikian kerana pergerakan pelancong dari suatu lokasi ke satu lokasi yang lain tidaklah memerlukan mereka menggunakan kenderaan yang besar ataupun yang istimewa, selain jarak lokasi yang agak dekat di antara satu sama lain. Kemudahan pengangkutan yang lebih moden seperti Trafik Aliran Ringan (LRT) dan komuter tidak wujud sama sekali. Justeru kemajuan dari aspek pengangkutan adalah tidak berubah yang mana penduduk setempat masih mengekalkan penggunaan kenderaan sendiri dan kenderaan awam seperti bas dan teksi.

**Jadual 3: Nilai Signifikan pada Elemen Impak**

Komponen Impak	Elemen Impak	<i>Nilai Chi-square test as Asymp. Sig (2-sided)</i>							
		Jantina	Bangsa	Umur	Pekerjaan	Pendidikan	Status Perkahwinan	Kaw. Tempat Tinggal	Status signifikan
Ekonomi	Pelaburan	.446	.152	.080	.607	.832	.709	.869	X
	Pekerjaan	.208	.090	.544	.421	.554	.787	.240	X
	Perniagaan	.208	.570	.429	<b>.018</b>	.784	.480	.692	√
	Pendapatan	.097	.372	.549	<b>.006</b>	.218	.936	.327	√
	Taraf kehidupan	.463	.670	.259	<b>.035</b>	.078	.338	.477	√
	Hartanah	.264	.332	.358	.067	<b>.018</b>	.827	<b>.015</b>	√
	Perkhidmatan	.381	.157	.166	.982	.051	.120	.674	X
	Pengangkutan	.233	.141	.664	.994	.109	.766	.894	X
Sosial	Rekreasi	.405	.696	.954	<b>.049</b>	.233	.778	.110	√
	fasiliti	.995	<b>.036</b>	.846	<b>.003</b>	.466	.506	.118	√
	kesihatan	.451	.180	.865	.125	.064	.227	.062	X
	Hiburan	.722	<b>.000</b>	.826	.096	.352	.413	.438	√
	Pusat membeli belah	.281	.630	.501	.906	<b>.000</b>	.928	.313	√
	Tempat letak kenderaan	.093	.351	.960	.373	<b>.003</b>	.207	.273	√
	Jenayah	<b>.036</b>	.265	<b>.033</b>	.604	<b>.047</b>	.207	.696	√
Budaya	Bangsa	.467	<b>.004</b>	.386	.233	.813	.483	.064	√
	Aktiviti	.554	<b>.041</b>	.115	<b>.033</b>	.483	.944	<b>.041</b>	√
	Identiti etnik	.388	<b>.030</b>	<b>.015</b>	<b>.026</b>	.540	.566	<b>.092</b>	√
	Kraf tangan	.091	.140	.183	<b>.012</b>	.128	.672	<b>.021</b>	√
	Perubahan amalan	.092	.084	<b>.001</b>	<b>.036</b>	.716	.349	<b>.017</b>	√
Persekitaran	Kehidupan	.572	.192	<b>.008</b>	.477	.130	.284	.069	√
	pemeliharaan	.937	.084	.934	<b>.009</b>	.240	.683	<b>.027</b>	√
	Ekologi	.868	<b>.043</b>	.339	<b>.006</b>	.386	.826	<b>.014</b>	√



Kesesakan	.259	.115	.095	.663	.417	.679	.868	X
Pembaziran	.234	.383	<b>.002</b>	.309	.354	.466	.259	√
Pencemaran	.161	.101	<b>.009</b>	.158	.548	.668	.123	√
Frekuensi Signifikan	1	6	6	11	4	0	6	

Jadual 4 memaparkan kesan perlancongan desa ke atas ekonomi komuniti yang wujud dari dua perspektif iaitu negatif dan positif. Responden yang bekerja swasta menyatakan kegiatan perlancongan ini memberi kesan negatif kepada aktiviti perniagaan mereka (0.333) yang secara langsung menjejaskan kadar pendapatan mereka (-0.384) sekaligus menurunkan taraf kehidupan mereka (-0.299). Hal demikian kerana kebanyakan komuniti di sini menjalankan perniagaan kecil-kecilan yang mana merasakan, kedatangan para peniaga luar di kawasan perlancongan desa ini telah menjejaskan aktiviti perniagaan mereka sedia ada. Sebaliknya golongan yang berpendidikan mengutarakan kesan yang positif pada aspek ekonomi khususnya kenaikan nilai hartanah dari masa ke semasa (0.333).

Jadual 5 memaparkan kesan perlancongan desa ke atas aspek sosial. Golongan berpendidikan bersetuju dengan kesan positif yang wujud. PD dilihat dapat menyumbang kepada keadaan sosial yang lebih baik dengan kewujudan pusat membeli belah (0.536) dan kemudahan tempat letak kenderaan (0.413). Namun menurut golongan ini wujud masalah jenayah di kawasan kajian. Walau bagaimanapun golongan wanita yang berumur sekitar 21-40 tahun menganggap masalah jenayah ini semakin berkurang (-0.301, -0.297). Kaum Melayu pula berpendapat kegiatan hiburan semakin meningkat, (0.497) namun kesediaan fasiliti yang ada tidak mencukupi (-0.298) bagi menampung jumlah penduduk yang semakin bertambah. Kekurangan fasiliti turut diakui oleh golongan yang bekerja, (0.410). Malah golongan ini juga turut mengutarakan keadaan kemudahan rekreasi yang kurang baik (-0.280).

Jadual 6-pula memaparkan kesan PD ke atas aspek kebudayaan. Perubahan dapat dilihat pada struktur identiti komuniti yang semakin meningkat sejajar dengan aktiviti PD. Kenyataan ini diakui oleh mereka dari kaum Melayu (-0.308), berumur antara 20-40 tahun (-0.342) dan bekerja swasta (-0.315). Perubahan etnik semakin ketara ekoran kegiatan penghijrahan orang luar dari pelbagai bangsa yang datang ke kawasan kajian untuk melebarkan sayap perniagaan mereka. PD turut menyumbang kepada corak kehidupan komuniti tempatan yang mana dijelaskan oleh golongan yang berumur antara 21-50 tahun (-0.469), golongan bekerjaya (-0.297) serta dari mereka yang tinggal di kawasan mukim lain (-0.335). PD turut menjejaskan aktiviti kebudayaan setempat (-0.302) serta kemerosotan ke atas pengusahaan produk kraf tangan tempatan (-0.352), ekoran tumpuan yang lebih ke atas barangan moden di kalangan para pelawat. Sejajar dengan itu rasa bangsa di kalangan komuniti setempat terhadap produk tempatan serta kawasan penempatan semakin berkurang (-0.400).

Kegiatan PD turut memberi impak ke atas persekitaran kawasan kajian. Sebagaimana yang dinyatakan oleh 6 elemen dalam komponen persekitaran, perubahan ekologi dilihat berlaku begitu ketara di mata kaum Melayu (-0.287), mereka yang bekerjaya (-0.381) dan mereka yang tinggal di kawasan luar mukim Kuala Selangor (-0.344). Golongan ini juga turut menjelaskan kawasan perlancongan turut kekurangan usaha penjagaan alam sekitar (0.364, -0.314). Manakala golongan yang berumur antara 20 sehingga 40 tahun merasa tidak selesa (-0.373) dengan persekitaran kawasan kajian ekoran kegiatan pencemaran (-0.368) dari pembuangan sisa berbahaya (-0.420) di kawasan perlancongan. Hal demikian kerana golongan ini banyak terlibat dengan aktiviti PD secara tidak langsung berbanding mereka yang berumur 40 tahun ke atas atau yang masih belajar (Jadual 7)

**Jadual 4: Nilai Korelasi Antara Profail Responden dengan Kesan Ekonomi**

Elemen	Jantina	Bangsa	Umur	Pekerjaan	Pendidikan	Status Perkahwinan	Kaw Tempat tinggal
Pelaburan	-	-	-	-	-	-	-
Pekerjaan	-	-	-	-	-	-	-
Perniagaan	-	-	-	-.333	-	-	-
Pendapatan	-	-	-	-.384**	-	-	-
Taraf kehidupan	-	-	-	-.299	-	-	-
Hartanah	-	-	-	-	.333	-	-.343
Perkhidmatan	-	-	-	-	-	-	-
Pengangkutan	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	0	0	0	3	1	0	1
Korelasi							

**Jadual 5: Nilai Korelasi Antara Profail Responden dengan Kesan Sosial**

Elemen	Jantina	Bangsa	Umur	Pekerjaan	Pendidikan	Status Perkahwinan	Kaw Tempat tinggal
Rekreasi	-	-	-	-.280	-	-	-
fasiliti	-	-	-	-.410	-	-	-
kesihatan	-	.298*	-	-	-	-	-
Hiburan	-	.497	-	-	-	-	-
Pusat membeli belah	-	-	-	-	.536	-	-
Tempat letak kenderaan	-	-	-	-	.413	-	-
Jenayah	-	-	-	-	.282*	-	-
Jumlah	.297		.301				
Korelasi	1	2	1	2	3	0	0

**Jadual 6: Nilai Korelasi Antara Profail Responden dengan Kesan Kebudayaan**


Elemen	Jantina	Bangsa	Umur	Pekerjaan	Pendidikan	Status Perkahwinan	Kaw Tempat tinggal
Bangsa	-	-.400	-	-	-	-	-
Aktiviti	-	-.290	-	-.302*	-	-	-.291
Identiti etnik	-	-.308*	-.342*	-.315*	-	-	-
Kraf tangan	-	-	-	-.352	-	-	-.326
Perubahan amalan	-	-	-.469	-.297*	-	-	-.335
<b>Jumlah Korelasi</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>4</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>3</b>

**Jadual 7: Nilai Korelasi Antara Profail Responden dengan Kesan Persekitaran**

Elemen	Jantina	Bangsa	Umur	Pekerjaan	Pendidikan	Status Perkahwinan	Kaw Tempat tinggal
Kehidupan pemeliharaan	-	-	-.373	-	-	-	-
Ekologi	-	-.287*	-	-.364**	-	-	-.314
Kesesakan	-	-	-	-.381	-	-	-.344
Pembaziran	-	-	-.420**	-	-	-	-
Pencemaran	-	-	-.368**	-	-	-	-
<b>Jumlah Korelasi</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>2</b>


Rajah 3 memaparkan taburan keseluruhan kesan PD ke atas aspek ekonomi. Menerusi lapan elemen yang dikaji, didapati hanya empat sahaja yang mencatatkan kesan perubahan pada sudut negatif. Walau bagaimanapun kesan negatif ini masih ditahap terkawal kerana nilai yang dicatatkan adalah dibawah peratusan 50%. Namun tiadanya impak positif ke atas aspek ekonomi bagi kawasan kajian.

**Rajah 3: Taburan Impak Perlancongan Desa Ke Atas Aspek Ekonomi**




Rajah 4 memaparkan taburan impak pelancongan desa ke atas aspek sosial. Menerusi tujuh elemen yang dikaji, enam darunya memberi impak kepada kehidupan komuniti. Tiga darinya membuahkan impak negatif dengan nilai antara 28% hingga 41%, manakala 3 yang lain meyumbang kesan yang positif dengan catatan peratusan yang agak tinggi iaitu antara 41% hingga 53%.

**Rajah 4: Taburan Impak Perlancongan Desa Ke Atas Aspek Social**




Taburan impak pelancongan desa ke atas aspek kebudayaan sama sekali merosot dengan nilai peratusan negatif antara 29% hingga 47%. Ini menunjukkan aspek kebudayaan di kalangan masyarakat setempat agak tercalar ekoran aktiviti perlancongan desa ini. Dengan tiadanya impak positif, aktiviti perlancongan yang dijalankan ini dilihat sebagai masalah besar yang bakal menjejaskan corak kebudayaan generasi akan datang (Rajah 5).

**Rajah 5: Taburan Impak Perlancongan Desa Ke Atas Aspek Kebudayaan**




Impak negatif turut menular kepada aspek persekitaran (Gambarajah 6). Menerusi enam elemen yang dikaji, lima darinya mencatatkan nilai negatif antara 36% hingga 42%.

**Rajah 6: Taburan Impak Perlancongan Desa Ke Atas Aspek Persekitaran**



Keseluruhannya, impak perlancongan desa ke atas komuniti setempat di Kuala Selangor masih berada di tahap terkawal dengan nilai peratusan yang agak rendah (Gambarajah 7). Nilai tertinggi hanyalah 28.6% yang wujud pada aspek kebudayaan. Ianya disusuli dengan 16.5% pada aspek persekitaran dan 15.5% pada aspek sosial. Hanya 8.9% sahaja yang menyumbang kepada aspek ekonomi.

**Rajah 7: Keseluruhan Impak Pelancongan Desa Ke Atas Kehidupan Komuniti Setempat**



### **Kesimpulan**

Penyelidikan ini menjelaskan bahawa kegiatan pelancongan desa yang giat dijalankan telah menyumbang kepada impak yang besar terhadap kehidupan komuniti setempat. Menerusi empat (4) komponen impak utama yang diutarakan, komponen sosial telah mengalami impak yang lebih seimbang kerana setiap kesan negatif yang wujud telah di seimbangi oleh kesan positif yang stabil hasil cerapan dari pandangan penduduk setempat. Namun komponen kebudayaan dan persekitaran lebih terdedah kepada kesan negatif. Pelancongan desa yang berlangsung sekian lama telah menyebabkan keadaan persekitaran kawasan pelancongan bertambah buruk dari masa ke semasa. Manakala impak negatif pada aspek kebudayaan dilihat berpotensi menjejaskan corak kehidupan masyarakat setempat khususnya ke atas generasi pada masa hadapan. Manakala aspek persekitaran sewajarnya diambil berat bagi memastikan setiap perjalanan aktiviti pelancongan berjalan seiring dengan kerja pemeliharaan alam sekitar. Pihak berkuasa juga seharusnya memberi tumpuan ke atas impak ekonomi yang mana kesan negatif yang wujud ini mampu menjejaskan taraf kehidupan masyarakat setempat. Malah inisiatif lanjut perlu diusahakan bagi mengatasi permasalahan ini. Hal demikian kerana aktiviti perlancongan desa yang berjalan tanpa pemantauan yang telus dilihat hanya menguntungkan penduduk luar daerah dan bukannya penduduk setempat. Namun secara keseluruhannya setiap impak yang wujud ini masih mampu dipantau dari masa ke semasa. Hal demikian kerana majoriti nilai peratusan yang dipaparkan adalah di paras sederhana iaitu tidak melebihi 50%.

### **Rujukan**

- Allen L. R., Hafer H. R., Long P. T., & Perdue R. R. (1993). Rural Residents' Attitudes toward Recreation and Tourism Development. *Journal of Travel Research*, Vol 3194: 27-33.
- Amalu T. E.; Okpara D. E.; Omeje V. U.; Obi P. O.; Okoruwa D. E. (2012), Sosio-Economic Implication of Tourist's Appraisal of The Obudu Mountain Resort, Cross River State, Nigeria. *Journal of Environmental Science, Toxicology and Food Technology*. Vol 1. Issue 3 (Sep-Oct): 37-44.

- Andereck, K. L., (1995). Environmental Consequences of Tourism: A Review of Recent Research. In *Linking Tourism, the Environment, and Sustainability*. Annual Meeting of the National Recreation and Park Association, pp. 77–81, General Technical Report No. INT-GTR-323.
- Andereck, K. L., Valentine, K. M., Vogt, C. A. and Knopf, R. C. (2007), “A cross-cultural analysis of tourism and quality of life perceptions”, *Journal of Sustainable Tourism*. Vol. 15 No. 5, pp. 483-502
- Ap, J., & Crompton, J., (1998). Developing and Testing a Tourism Impact Scale. *Journal of Tourism Research*, Vol 37(2): 120-130.
- Aref F. & Gill S. S. (2009). Rural Tourism Development through Rural Cooperatives. *Nature and Science*, Vol 7(10): 68-73.
- Aref, F., & Ma'rof, R. (2009). Community capacity building for tourism development. *Journal of Human Ecology*, Vol 27 Issue (1): 21-25.
- Beeton, S., 2006. Community development through tourism. In: Landlink Press, Australia.
- Belisble F. J. & Hoy D. R. (1980). The Perceived Impact of Tourism by Residents, A Case Studies in Santa Marta, Columbia”. *Annals of Tourism Research*, Vol 7(2): 83-101.
- Bramwell, B. 1994. Rural tourism and sustainable rural tourism. *Journal of Sustainable Tourism*. Vol 2, Issue 1-2: 1-6.
- Canoves G, Villarino M, Priestly GK, Blanco A. (2004). Rural tourism in Spain: An Analysis of Recent Evolution. *Geoforum* 35(6):755–769.
- Creaco S., Querini G. (2003). The role of tourism in sustainable economic development, Proceeding at 43<sup>rd</sup> Congress of the European Regional Science Association. 27-30 August 2003, Jyvaskyla, Finland.
- Daniela B. R., (2002) Capacity Building for Co-Management of wildlife in North America, New York. Human Dimension Research Unit Department of Natural Resources Cornell University: (Document Number)
- Davies T, Cahill S. (2000). Environmental Implication of the Tourism Industry. Discussion Paper 00-14, Resource for The Future, Washington DC.
- Ertuna B., Kurbas, (2012). “Local Community Involvement in Rural Tourism Development: The Case of Kasstamonu, Turkey. *Tourism Research*, Vol 10(2): 17-24.
- Fariborz, A., Gill S. S., (2009). Rural tourism development through Rural Cooperative, *Natural Science*. Vol 7 (10): 68-73
- Gartner W. (1989). Tourism Image: Attribute Measurement of State Tourism Product Using Multidimensional Technique. *Journal of Travel Research*. 28(2): 16-20.
- Harrill R. (2004). “Residents’ Attitudes toward Tourism Development: A Literature Review with Implications for Tourism Planning”. *Journal of Planning Literature*, Vol 18(3): 251-266.
- Jaafar M., Ismail, S., SH. S. M. R. O. L. (2015). Perceived social effect of tourism Development: A case study of Kinabalu National Park. *Theoretical and Empirical Research in Urban Management*. Vol 10 (2) 5-20.
- Jashveer, H., Boopen, S., Kesseven, P. and Vinesh, S. R. (2011). TIPS Small Grant Scheme Research Paper Series 2011: Tourism Development and Local Community, University of Mauritius, Moka, Mauritius.
- Jipun J. (2019). Analisis corak pembelian cenderamata di kalangan pelancong antarabangsa di Sabah. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*.4 (15): 19-31
- Kamil I., Abdoellah O.S., (2018). Role of environmental communities in kamojang Natural Java Natural Reservation. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*. 3(12): 46-53

- Keogh B. (1990). Public participation in Community tourism planning. *Annals of Tourism Research*, Vol 17 (3): 449-465.
- Kim K. (2002). The Effects of Tourism Impacts upon Quality of Life of Residents in the Community. Virginia Polytechnic Institution and State University, Blacksburg, VA.
- King, B., A. Pizam, and A. Milman. (1993). Social Impact of Tourism: Host Perceptions. *Annals of Tourism Research*, Vol 20: 650-665.
- Ko, D. W., Stewart W. P. (2002). A Structural Equation Model of Resident's Attitudes for Tourism Development. *Tourism Management*, Vol 23(5): 521-530.
- Kosmaczewska, J. 2014. Tourism interest and efficiency of its utilisation based on the example of the EU countries. *Oeconomia* 13 (1): 77-90.
- Kreag, G. (2001). *The Impacts of Tourism*. Minnesota Sea Grant. University of Minnesota. Address: <http://www.seagrant.umn.edu/tourism/pdfs/ImpactsTourism.pdf>. Retrived 20 August 2015
- Lankford S. V., Howard D. R. (1994). Developing a Tourism Impacts Attitude Scale. *Annals of Tourism Research*, Vol 21(1): 121-139.
- Lankford V. (1994). Attitudes and perceptions Toward Tourism and Rural Regional Development. *Journal of Travel Research*, Vol 32(2): 35-43.
- Liu J. C. & Var T. (1986). Residents Attitudes towards Tourism Impacts in Hawaii. *Annals of Tourism Research*, Vol 13: 193 -214.
- Lo M. C., Mohamad A. A., Songan P. & Yeo A. W. (2012). Positioning Rural Tourism: Perspectives from the Local Communities. *International Journal of Trade, Economics and Finance*, Vol. 3(1): 59-65.
- Lundberg D. E. (1990). *The Tourist Business*, 6<sup>th</sup> ed. New York. Van Nostrand\_ Reinhold.
- Mason, P. & Cheyne, C., 2000. Residents' Attitude to Proposed Tourism Development. *Annals of Tourism Research*, Vol 27, pp. 391-411.
- Mathieson A., Wall G. (1982). *Tourism: Economic, Physical, and Social Impacts*. New York: Longman House.
- Mirbabayev, B. and Shagazatova, M., (2011) The Economic and Social impact of Tourism. *Global Journal*. Vol 1(2): 25-37
- OECD. Organization for Economic Cooperation and Development (2009). *The Impact of Culture on Tourism*. Forum of Tourism Research. Web Address: <http://www.oecd.org/cfe/tourism/theimpactofcultureontourism.htm#TOC>. Retrived 10 October 2013
- Perdue R. R., Long P. T., Allen L. (1987). Rural Resident Tourism Perceptions and Attitudes. *Annals of Tourism Research*, Vol 14: 420-429.
- Pizam, A. (1978). Tourism Impacts: The Social Costs to the Destination Community as Perceived by its Residents. *Journal of Travel Research*, Vol 16: 8-12.
- Pizam, A. Milman, A. (1984). The social impacts of Tourism. *Industry and Environment*. Vol 7(1): 11-14
- Proenca S., Soukiazis E. (2008). Tourism as an economic groth factor: a Case Study for Southern European Countries. *Annals of Tourism Research*, Vol 14(4): 791-806.
- Ridzuan N. A., Ibrahim M., Mohd Razali N. A., Samengon H., Rusli S. A., (2018). Impact of Rural Tourism Products Development on Tourist Spending in Poversty Alleviation: A CASE Study of Tadam Hill. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*. Vol. 4 (15). (December 2018) pp 23-28
- Rothman R. A., (1978). Residents and Transients: Community Reaction to Seasonal Visitors. *Journal of Travel Research*, Vol 16(3): 8-13.



- Roddin R., Yusof Y., Mukhtar M. I., Badrol Hisham S. S. D., (2019). Kemahiran Informal komuniti orang asli suku kaum Jakun dalam bidang pelancongan, *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*. Vol. 4 (15). (June 2019) pp 44-56.
- Samina, K., Kakar, M.K. Waliullah. (2007). Role of tourism in Economic Growth: Empirical evidence from Pakistan Economy. *The Pakistan Development Review*, Vol. 46(4): 985-995
- Sanggin S. E. (2009). Community involvement in culture and nature tourism in Sarawak. *AKADEMIKA*, 77: 149-165.
- Seetanah B. 2011 Assessing the dynamic impact of tourism for island economies, *Annals of Tourism Research*. Volume 38 (1): 291-308
- Sethna R. J; Richmond B.O. (1978). U.S Virgin Islander's perception of Tourism. *Journal of Travel Research*, Vol 17 (1): 30-31
- Sharpley, R. and Vass, A. (2006) Tourism, farming and diversification: an Attitudinal Study. *Tourism management*, Vol. 27: 1040-1052.
- Sheldon P., Var T. 1984. Resident Attitudes to Tourism in North Wales. *Tourism Management*, Vol 5(1): 40-48
- Stynes D. J. (1997). Economic Impacts of Tourism: *A handbook for tourism Professionals*, Illinois Bureau of Tourism, Illinois Department of Commerce and Community Affairs. Universitu of Illinois, Urbana Champaign
- Teng T. Y., Yeap A., Yi C. R., Shyuan L. C., Jing T. W., Xin Y. Y., (2018). Tourism, Economic Growth, Co, Emmissions: The Case of Malaysia. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*. Vol. 3 (12). (December 2018) pp 1-10.
- Tyrrel T.; Spauling P. (1984). A Survey of Attitudes toward Tourism Growth in Rhode Island. *Hospitality Education and Research Journal*, Vol 8(1): 22-23
- United Nation, 2005. *Would population prospect*. The 2004 revision volume III analytical Report, United Nation, New York: 195.
- Var T.; Kim Y. (1989). *Measurement and Finding on the Tourism Impact*. Department of Recreation Park and Tourism Science, Texas A & M University USA. Unpublished manuscript
- Wang, Y. A., Pfister, R. E. (2008), Resident's attitude towards tourism and perceived personal benefits in a rural community. *Journal of Travel Research*. Vol 47 (1): 54-66.
- Weaver, D.; Lawton, L. (2001). Resident Perceptions in the Urban-rural Fringe. *Annals of Tourism Research*, Vol 28 (2): 349-458.